



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 13/1974**

*Borang Pajakan Bagi Tanah Rizab*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai borang pajakan bagi tanah rizab yang telah dibuat di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara atau Undang-undang Tanah yang terdahulu.

2. Seksyen 63(2) memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengarahkan (menentukan) rupa bentuk borang pajakan tetapi jika tiada arahan tersebut maka borang pajakan yang sah digunakan ialah seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan Tanah Negeri. Oleh kerana di kebanyakan Negeri-negeri borang pajakan tersebut tidak ditetapkan di dalam Peraturan Tanah Negeri maka borang yang sah digunakan mestilah menurut satu arahan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Adalah dicadangkan supaya borang yang dilampirkan sebagai 'Lampiran A' digunakan supaya borang yang serupa dapat digunakan di semua negeri.

3. Adalah mustahak diambil ingatan bahawa pajakan tanah rizab bukanlah pemberian milik tanah di bawah Kanun Tanah Negara kerana tanah rizab bukanlah tanah Kerajaan sebagaimana yang dijelaskan. Dengan memberi pajakan, kedudukan rizab tidak berubah dan kawasan yang dipajak itu akan terus menjadi sebahagian rizab tersebut apabila tempoh pajakannya tamat. Yang demikian adalah tidak mustahak diadakan syarat di dalam pajakan bahawa tanah yang diberi pajak itu adalah sebahagian daripada rizab tersebut. Walau bagaimanapun adalah difikirkan wajar bagi pajakan tersebut mengandungi kenyataan bahawa pegawai yang mengawal rizab itu telahpun memohon kelulusan bagi memajak tanah tersebut ataupun telah membenarkan pajakan itu.

4. Bagi maksud pajakan ini, tanah tersebut tidak mustahak diukur tetapi adalah mustahak ianya diperenggankan untuk tujuan menetapkan sempadan dan penyediaan pelan.

5. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan bahawa borang pajakan bagi tanah rizab yang hendak dicadangkan di bawah seksyen 63(2) Kanun Tanah Negara untuk arahan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah berupa borang yang disertakan di Lampiran 'A'.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan

P.T.TM 16/67

Kuala Lumpur,  
Jun, 1974.

**KANUN TANAH NEGARA**  
(Seksyen 63)

Negeri ...../Wilayah Persekutuan

**PAJAKAN TANAH RIZAB**

Tempoh .....Tanah dan Tamat pada.....

No. Pendaftaran.....

Di atas permohonan oleh.....yang dibuat setelah mendapat kelulusan daripada Pengawal yang mengawal tanah yang dirizabkan menurut P.U ..... bahawa tanah yang disebutkan di dalam Jadual di bawah ini dan (bagi maksud mengenalinya) ditunjukkan di dalam pelan yang disertakan, iaitu kesemua/sebahagian daripada rizab tersebut, adalah dipajakkan untuk tempoh sepertimana yang tersebut di atas kepada..... tertakluk kepada syarat-syarat nyata di bawah ini dengan membayar cukai tahunan sebanyak \$.....

Dengan perintah Pihak Berkuasa Negeri/Kerajaan Persekutuan diluluskan pada .....hb.....19.....

.....

Pemungut Hasil Tanah

## JADUAL TANAH

Daerah..... Bandar/Kampung/Mukim.....  
Lot No..... LuasLot.....

## PELAN

### SYARAT-SYARAT NYATA

1. Tanah yang dihuraikan di dalam pajakan ini hendaklah digunakan hanya untuk .  
.....
2. Pemajak atau ejennya hendaklah dalam tempoh pajakan ini, membayar cukai tahunan sebanyak ..... kepada Pemungut Daerah ..... dan pembayaran tersebut hendaklah dibuat tidak lewat daripada 31hb Mei tiap-tiap tahun.
3. Pajakan ini boleh ditamatkan atas pelanggaran mana-mana syarat yang ternyata di dalam ini sekiranya pemajak gagal membetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh sebulan daripada tarikh serahkan notis meminta ianya membuat demikian.
4. Pajakan ini boleh ditamatkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan memberi tidak kurang daripada tiga bulan notis kepada pemajak.